

Qalam

KDN 2180 M.C. (P) 2813/58

Jamādi al-Awwal 1386 September 1966

Bilangan 194 60 sen.

Kegembiraan Seluruh Umat Islam

Dengan temeterainya perdamaian di antara Indonesia dan Malaysia dengan tamatnya konfrontasinya di antara kedua-dua buah negeri itu adalah menjadi suatu berita yang bukannya sahaja menggemar dan menyukacitakan di antara rakyat Indonesia dan rakyat Malaysia, tetapi ia adalah sangat menggembirakan kepada seluruh umat Islam di dalam dunia ini tidak suka akan adanya pergaduhan di antara orang-orang Islam yang bersaudara.

Tidak ada sebab-sebab yang timbul yang boleh menguntungkan di antara satu pihak dengan adanya konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia. Tidak ada niat-niat yang menjajah daripada bangsa Indonesia seumumnya kepada Malaysia dan begitu juga tidak ada niat menjajah bagi Malaysia kepada tanah-tanah kepunyaan Indonesia. Dengan itu maka tiga tahun lamanya, pengorbanan-pengorbanan telah terjadi dan di dalam masa itu kesabaran dan ketenangan Malaysia menghadapi segala-gala perkara itu adalah menjadi suatu ketenangan sebagai abang dengan adik berkelahi dan sebab itulah apabila perjanjian ditandatangani, hiduplah perasaan bersaudara,

perasaan serumpun, perasaan sedarah sedaging yang meliputi segenap urat saraf. Ini tidak dapat disembunyikan bukannya sahaja di lidah pemimpin-pemimpin tetapi juga di dalam perasaan dan dada seluruh umat Melayu di Indonesia. Benarlah sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Adam Malik “**Tidak ada pihak yang menang atau yang tewas. Ia kemenangan maha besar bagi bangsa Melayu yang serumpun itu.**”

Menyenangkan atau tidak ucapan itu, disukai atau tidak konsep itu, tetapi konsep itu dengan sendirinya timbul, dan sendirinya muncul dengan serta-merta apabila kesedaran telah timbul sekalipun ada barangkali golongan-golongan yang hendak menimbus atau membenamkan konsep sedarah sedaging itu yang demikian tidak akan berjaya dan tidak akan dapat membenamkannya.

Benar sebagaimana kata Tengku Abdul Rahman bahawa “Walau apa pun terjadi, ikatan ini tidak sekali-kali boleh diputuskan.”

Tidak ada satu bangsa, tidak ada satu golongan, tidak ada satu puak yang ada di dalam Tanah Melayu atau di sekitar Tanah Melayu atau di sekeliling gugusan pulau-pulau Melayu yang dapat menghubungkan tali persaudaraan, kasih mesra yang diikat dari hati ke hati daripada satu rumpun itu.

Tidak akan ada manusia yang akan mengubah perasaan muhibah, kasih sayang di antara yang serumpun, yang sebatang dan sebatu itu walaupun pada satu masa kedua-duanya bercakar-cakaran tetapi namun cakaran-cakaran itu hanya sebagai orang adik-beradik yang

tidak dapat dipisah-pisahkan – dicincang tak putus, dibakar tak hangus dan digantung tak mati. Tidak ada kuasa manusia yang dapat memisahkan walaupun segala percubaan mencincang namun pesatuan, namun persaudaraan, namun ikatan di antara satu sama lain itu tidak akan dapat diputuskan oleh sesiapa jua pun apalagi sudah tiba gerak daripada Allah menyatukan persaudaraan mereka.

Dengan kerana itu adalah menjadi suatu harapan besar di antara yang serumpun ini tadi akan bergandingan bahu menghadapi udara alunan yang ada di Timur jauh ini sama ada alunan Barat atau penjajah Timur atau bahaya apa jua pun untuk menegakkan kebesaran dan kedaulatan raja kerajaan gugusan pulau-pulau Melayu yang maha besar, yang maha perkasa berkurun-kurun dahulu. Kita berharap semoga Allah akan menimbulkan, akan membangkitkan pemimpin-pemimpin yang berjasa di dalam usaha-usaha ini. Kita juga berharap dan berdoa timbullah kelak mujahid-mujahid Islam yang akan menegakkan kalimah-kalimah Allah terus berjuang kerana Islam di dalam gugusan pulau-pulau Melayu ini bukan ditanam oleh feodal, buka dibawa oleh penjajah, bukan dibawa oleh sesuatu pihak yang mengharap keuntungan tetapi Islam yang dibawa ke Tanah Melayu ini adalah ditanam daripada bibit yang tumbuh di bumi yang subur jiwanya, yang subur tanahnya yang akan tumbuh untuk menaungi dunia seluruhnya. Itulah harapan dan itulah tenungan orang dari dahulu hingga sekarang.

* * *